



APC 2025 iktiraf 200 penjawat awam cemerlang Kelantan

Tabung Serambi Mekah terus bantu rakyat lebih 35 tahun -MB Kelantan

Kelantan utamakan kebajikan penjawat awam, tingkat mutu perkhidmatan kepada rakyat

RM1,000 bantuan segera kepada setiap keluarga mangsa kebakaran Gok Kapur

Ihsan teras tadbir urus, bentuk penjawat awam berintegriti - MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 7 Jun — Konsep ihsan merupakan teras utama tadbir urus Islam yang mampu melahirkan penjawat awam berintegriti, amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas demi kesejahteraan rakyat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, konsep ihsan yang menjadi antara tunjang pendekatan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) bukan sekadar berkaitan ibadah khusus seperti solat, puasa dan zakat, bahkan merangkumi seluruh aspek kehidupan termasuk pentadbiran, pengurusan organisasi dan penyampaian perkhidmatan awam.

Menurutnya, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa ihsan ialah seseorang menyembah Allah SWT seolah-olah melihat-Nya, dan jika tidak mampu melihat-Nya, maka hendaklah meyakini bahawa Allah SWT sentiasa melihat setiap perbuatannya.

“Dalam konteks tadbir urus, ihsan bermaksud melaksanakan amanah dengan penuh kesedaran bahawa setiap tindakan diperhati dan dinilai oleh Allah SWT.

“Ia melahirkan rasa tanggungjawab yang mendalam walau-



pun tiada siapa yang melihat atau memantau pekerjaan kita kerana Allah SWT sentiasa melihat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Penjawat Awam Negeri Kelantan 2025 di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Pada majlis tersebut, sebanyak 200 penjawat awam menerima anugerah yang disampaikan oleh Menteri Besar sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan perkhidmatan mereka.

Mengulas lanjut, beliau berkata penghayatan nilai ihsan akan mendorong penjawat awam bekerja bu-

kan semata-mata kerana arahan ketua atau penilaian prestasi tahunan, sebaliknya kerana menyedari setiap tugas merupakan amanah yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT.

Katanya, budaya ihsan yang subur dalam sesebuah organisasi mampu menjadikan integriti sebagai budaya kerja, sekali gus membantu mencegah ketirisan, mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan mengurangkan pembaziran.

“Rakyat pula akan menerima perkhidmatan yang lebih cekap, berkualiti dan berkesan.

“Inilah sebenarnya asas kepada konsep tadbir urus Islam yang sentiasa ditekankan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui pendeka-

“ Dalam konteks tadbir urus, ihsan bermaksud melaksanakan amanah dengan penuh kesedaran bahawa setiap tindakan diperhati dan dinilai oleh Allah SWT. “Ia melahirkan rasa tanggungjawab yang mendalam walaupun tiada siapa yang melihat atau memantau pekerjaan kita kerana Allah SWT sentiasa melihat,”

tan Penghayatan Membangun Bersama Islam,” katanya.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan negeri bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal dan ekonomi, malah turut menitikberatkan pembangunan modal insan yang berteraskan akhlak, integriti dan nilai ihsan.

Turut hadir Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal, Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan YB Tuan Zawawi Ghazali serta Pegawai Kewangan Negeri Kelantan YB Dato' Rosnazli Amin.



Dapur Hijau strategi proaktif Kelantan kurangkan kebergantungan bekalan makanan luar

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 5 Jun — Program Dapur Hijau yang dilaksanakan Kerajaan Negeri Kelantan menjadi langkah proaktif dalam meningkatkan keupayaan pengeluaran makanan domestik serta mengurangkan kebergantungan kepada sumber bekalan luar, selaras dengan agenda memperkukuh keterjaminan makanan negeri.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohamed Fadzli Hassan berkata, inisiatif tersebut amat signifikan dalam mendepani cabaran semasa yang menyaksikan dunia berhadapan pelbagai isu termasuk perubahan iklim, kenaikan harga makanan, gangguan rantaian bekalan dan ketidakpastian ekonomi global.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Ekspo Dapur Hijau Peringkat Negeri Kelantan 2026 di Taman Rekreasi Kolam Air Panas Tok Bok, di sini, hari ini.

Menurutnya, usaha memperkukuh sektor pengeluaran



makanan tempatan perlu diberi keutamaan bagi memastikan negeri mempunyai keupayaan memenuhi keperluan rakyat secara lebih mampan.

"Kelantan perlu terus memperkukuh keupayaan pengeluaran makanan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada bekalan luar.

Sebab itu kerajaan negeri memberi perhatian serius terhadap usaha meningkatkan tahap Self-Sufficiency Ratio (SSR) negeri dalam sektor agromakanan.

"Kita mahu Kelantan mampu

memenuhi keperluan makanan rakyat sendiri dan berpotensi menjadi antara penyumbang utama kepada agenda Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara," jelasnya.

Tegasnya, Islam turut memberi penekanan terhadap kepentingan sektor pertanian sebagai asas kestabilan kehidupan dan kesejahteraan ummah.

Menurutnya lagi, walaupun Program Dapur Hijau bermula di halaman rumah, impaknya besar kerana mampu membantu keluarga mengurangkan kos sara hidup, memperoleh sumber makanan



yang lebih segar dan sihat serta mengeratkan hubungan kekeluargaan.

"Program seperti ini mempunyai potensi besar untuk berkembang daripada skala isi rumah kepada komuniti dan seterusnya keusahawanan.

"Daripada hanya menanam untuk kegunaan sendiri, ia boleh berkembang kepada pengeluaran hasil komuniti, pemasaran produk tempatan, penghasilan benih, produk hiliran dan pelbagai aktiviti ekonomi berasaskan pertanian bandar serta komuniti," ujarnya.

Aduan pengguna stadium diteliti, kemudahan terus ditambah baik



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 8 Jun — Kerajaan negeri memberi perhatian serius terhadap aduan dan permohonan yang dikemukakan pengguna Stadium Muhammad IV bagi memastikan kemudahan yang disediakan sentiasa memenuhi keperluan, keselesaan serta aspek keselamatan pengunjung.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berka-

ta, perkara tersebut antara fokus utama yang dibincangkan dalam Mesyuarat Ahli Perbadanan Stadium Kelantan yang dipengeruskannya di Stadium Sultan Muhammad IV, pada Ahad.

Menurutnya, mesyuarat berkenaan meneliti pelbagai isu berkaitan pengurusan stadium termasuk cadangan penambahbaikan kemudahan demi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pengguna.



"Antara perkara yang dibincangkan berkaitan pengurusan stadium termasuk meneliti aduan serta permohonan bagi penambahbaikan kemudahan demi keselesaan dan keselamatan para pengguna," katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau menegaskan, kerajaan negeri sentiasa komited memastikan kemudahan awam khususnya stadium berada pada tahap terbaik menerusi penyelenggaraan dan

penambahbaikan secara berterusan.

Menurutnya, kemudahan stadium yang berkualiti bukan sahaja penting bagi penganjuran acara sukan, malah berperanan menyokong pelaksanaan aktiviti rekreasi, program kemasyarakatan serta pembangunan belia.

"Semoga segala usaha yang dilaksanakan dapat memastikan kemudahan stadium sentiasa berada dalam keadaan terbaik serta terus menjadi lokasi yang kondusif untuk aktiviti sukan, rekreasi dan program kemasyarakatan di Negeri Kelantan," ujarnya.

Tambahnya, komitmen berterusan semua pihak dalam memperkasakan kemudahan stadium akan membantu mewujudkan persekitaran yang lebih selamat, selesa dan mesra pengguna, selaras dengan agenda kerajaan negeri untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

APC 2025 iktiraf 200 penjawat awam cemerlang Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 8 Jun — Sebanyak 200 penjawat awam Negeri Kelantan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2025 sebagai pengiktirafan tertinggi kerajaan negeri terhadap prestasi, komitmen dan sumbangan cemerlang mereka dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam.

Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato’ Dr Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal berkata, anugerah tersebut bukan sekadar penghargaan berbentuk sijil atau ganjaran material, sebaliknya melambangkan pengiktirafan tertinggi organisasi terhadap kecemerlangan yang ditunjukkan sepanjang perkhidmatan.

Menurutnya, pengiktirafan itu mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam membudayakan perkhidmatan awam berkualiti tinggi yang berteraskan nilai U’budiyyah, Masu’liyyah dan Itqan (UMI).

“Apabila nilai-nilai ini mekar dalam diri setiap penjawat awam, ia dapat mengurangkan kerenah birokrasi, meminimumkan aduan pelanggan serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem penyampaian kerajaan negeri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Anugerah Perkhid-



matan Cemerlang Penjawat Awam Negeri Kelantan 2025 di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, di sini, semalam.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nasuruddin Daud.

Pada majlis yang sama turut dilancarkan Buku Infografik Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan sebagai panduan memperkukuh budaya kerja berintegriti dalam kalangan penjawat awam.

Menurut YBM Dato’ Dr Faziharudean, selaras dengan agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (RPA), warga perkhidmatan awam perlu bersedia melakukan perubahan dari segi pemikiran dan pendekatan kerja agar lebih cekap, pantas, berintegriti serta berorientasikan rakyat.

Beliau juga menyeru penjawat awam agar memanfaatkan teknologi digital dan sentiasa meneroka pendekatan baharu bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Di samping itu, beliau turut menegaskan budaya inovasi perlu terus diperkasakan bagi menghadapi cabaran era transformasi digital dan kecerdasan buatan (AI) yang menuntut penguasaan teknologi serta kompetensi baharu.

Walau bagaimanapun, katanya, kemajuan teknologi perlu diseimbangkan dengan pengukuhan integriti dan sahsiah dalam setiap aspek pelaksanaan tugas.

“Setiap keputusan yang dibuat, setiap pengurusan data yang dikendalikan dan setiap penggunaan teknologi memerlukan tahap akauntabiliti yang tinggi.

“Digitalisasi tanpa integriti boleh membuka ruang kepada ketirisan, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa,” jelasnya.

“Setiap keputusan yang dibuat, setiap pengurusan data yang dikendalikan dan setiap penggunaan teknologi memerlukan tahap akauntabiliti yang tinggi. “Digitalisasi tanpa integriti boleh membuka ruang kepada ketirisan, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa,”

Beliau optimis gabungan penguasaan digital yang mantap dan kekuatan sahsiah akan melahirkan perkhidmatan awam yang progresif, berdaya saing serta kekal berpaksaan nilai kemanusiaan dan ketuhanan.

Mengulas mengenai pemilihan penerima APC, beliau memaklumkan bahawa proses tersebut dilaksanakan secara telus, adil dan berasaskan kriteria yang ditetapkan bagi memastikan pengiktirafan diberikan kepada mereka yang benar-benar layak.

Beliau turut mengingatkan penerima agar terus mengekalkan kecemerlangan dan menjadi sumber inspirasi kepada rakan sekerja dalam usaha memperkukuh imej perkhidmatan awam negeri.

“Kecemerlangan ini perlu dikekalkan secara konsisten sehingga ke akhir tempoh perkhidmatan,” ujarnya.



Kerjasama Kelantan-PERHEBAT buka peluang veteran ATM ceburi sektor agromakanan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 Jun — Kerjasama antara Kerajaan Negeri Kelantan, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dijangka membuka lebih banyak peluang kepada veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri menerusi sektor pertanian dan agromakanan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, perkara itu antara fokus utama yang dibincangkan sempena kunjungan hormat Pengarah PERHEBAT Negeri Kelantan Mejar Sharulnuar Baharom bersama wakil Pengurus Besar KPKB Mukhlis Mokhtar ke pejabatnya, semalam.

Menurutnya, perbincangan tersebut turut memberi tumpuan kepada usaha memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berasaskan pertanian bagi bakal pesara dan



veteran ATM sebagai persediaan menghadapi kehidupan selepas tamat perkhidmatan.

Beliau memaklumkan, PERHEBAT memainkan peranan penting dalam menyediakan latihan kemahiran, bimbingan kerjaya serta program pembangunan keusahawanan bagi membantu golongan tersebut membina sumber pendapatan yang mampan.

“Peranan ini amat penting dalam memastikan golongan veteran terus produktif dan berdaya saing dalam pelbagai sektor ekonomi.

“Dalam pertemuan ini, kami juga bertukar pandangan mengenai potensi sektor pertanian dan agromakanan sebagai bidang yang

mampu menjana pendapatan kepada para pesara melalui latihan TVET, pemindahan teknologi, pembangunan usahawan tani serta penglibatan dalam projek pertanian moden yang berdaya maju,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Jelasnya, sektor pertanian dan agromakanan berpotensi besar untuk diterokai oleh golongan pesara dan veteran ATM memandangkan bidang tersebut menawarkan pelbagai peluang keusahawanan serta pembangunan kerjaya yang berterusan.

“Pendekatan berasaskan latihan dan pemindahan teknologi mampu melahirkan lebih ramai usaha-

wan tani berkemahiran yang dapat menyumbang kepada agenda ketenteraman makanan dan pembangunan ekonomi negeri.

“Kerjasama antara kerajaan negeri, PERHEBAT dan agensi berkaitan diharap dapat membuka lebih banyak peluang kepada veteran ATM untuk terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri melalui sektor pertanian dan agromakanan.

“Semoga jalinan kerjasama ini dapat memberi manfaat kepada bakal pesara dan veteran ATM serta membantu mereka menjana pendapatan yang mampan selepas menamatkan perkhidmatan,” katanya.



Tabung Serambi Mekah terus bantu rakyat lebih 35 tahun - MB Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 8 Jun — Tabung Serambi Mekah yang diwujudkan lebih 35 tahun lalu terus menjadi antara instrumen kebajikan utama Kerajaan Negeri Kelantan dalam membantu rakyat yang ditimpa musibah, memerlukan rawatan, membaiki rumah yang rosak serta memenuhi pelbagai keperluan mendesak.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz

Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, peranan tabung tersebut kekal relevan dalam memastikan golongan yang memerlukan terus mendapat perhatian dan bantuan sewajarnya.

Menurutnya, setiap kali mesyuarat berkaitan kebajikan diadakan, perkara yang sentiasa menjadi keutamaan ialah nasib rakyat yang sedang berdepan pelbagai ujian kehidupan.

“Alhamdulillah, sejak ditubu-



hkan lebih 35 tahun lalu, Tabung Serambi Mekah terus menjadi antara wadah penting untuk membantu rakyat yang ditimpa musibah, memerlukan rawatan, membaiki rumah yang rosak dan pelbagai lagi keperluan mendesak.

“Mudah-mudahan usaha kecil yang dilakukan ini menjadi asbab meringankan beban mereka yang memerlukan kerana kekuatan sesebuah negeri bukan hanya diukur melalui pembangunan fizikal,

tetapi juga pada sejauh mana kita mampu menjaga kebajikan rakyatnya,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Akaun Amanah Kebajikan Darulnaim (Tabung Serambi Mekah) di Kompleks Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Menurutnya lagi, di sebalik setiap angka dan laporan yang dibentangkan dalam mesyuarat, terdapat kisah kehidupan rakyat yang memerlukan perhatian, keprihatinan dan tindakan segera daripada pelbagai pihak.

“Kerajaan negeri akan terus memastikan fungsi dan peranan Tabung Serambi Mekah diperkaskan agar bantuan dapat disalurkan secara berkesan kepada golongan yang benar-benar memerlukan,” ujarnya.

Ekspo Dapur Hijau tarik 5,000 pengunjung, jana jualan RM30,000

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 7 Jun — Ekspo Dapur Hijau Negeri Kelantan 2026 berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap agenda keterjaminan makanan apabila menarik kehadiran kira-kira 5,000 pengunjung serta merekodkan nilai jualan sebanyak RM30,000 sepanjang penganjurannya selama dua hari.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pencapaian tersebut membuktikan usaha memperkasakan budaya pertanian komuniti dan pengeluaran makanan sendiri semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat.

Menurutnya, ekspo berkenaan bukan sahaja menjadi platform perkongsian ilmu dan teknologi pertanian, malah berjaya membuka peluang ekonomi kepada usahawan tempatan serta memperluaskan kesedaran rakyat mengenai kepentingan keterjaminan makanan.

"Alhamdulillah, setelah berlangsung selama dua hari, Ekspo Dapur Hijau Negeri Kelantan 2026 telah melabuhkan tirainya dengan penuh jayanya," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Ekspo Dapur Hijau Negeri Kelantan 2026 di Taman Rekreasi Kolam Air Panas Tok Bok, di sini, semalam.



Beliau berkata, pelbagai program dan aktiviti berjaya dilaksanakan sepanjang ekspo tersebut dengan penyertaan memberangsangkan daripada agensi kerajaan, institusi pendidikan, usahawan dan komuniti setempat.

Antaranya termasuk pameran serta jualan agensi pertanian dan usahawan, program Tunas Tani Al-Falah, demonstrasi masakan, sukaneka rakyat, pertandingan teh tarik, jamuan rakyat, persembahan wayang kulit, pertandingan mewarna, demonstrasi penghasilan baja dan kawalan organik, pertandingan video TikTok Kebun Cantik serta pertandingan reruai Dapur Hijau.

Menurutnya, nilai jualan keseluruhan sebanyak RM30,000 direkodkan hasil penglibatan usahawan, pengusaha makanan, pengeluar produk pertanian serta agensi berkaitan termasuk reruai Dapur Hijau peringkat Parlimen yang mengambil bahagian.

"Pencapaian ini membuktikan

bahawa Ekspo Dapur Hijau berfungsi sebagai medan pendidikan dan perkongsian ilmu sekali gus memberi impak langsung kepada pembangunan ekonomi komuniti dan peningkatan pendapatan usahawan tempatan," ujarnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua agensi dan jabatan yang terlibat termasuk Jabatan Pertanian Kelantan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan, MARDI, FAMA, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK), Kelantan Biotech, KPKB, Damai Agro, KUMH, Politeknik Jeli, YM Agro serta para usahawan dan jawatankuasa pelaksana.

Katanya, kerjasama erat semua pihak termasuk Majlis Daerah Machang dan Pusat Khidmat DUN Pulau Chondong yang menyediakan lokasi penganjuran di Taman Rekreasi Kolam Air Panas Tok Bok menjadi faktor penting kejayaan program tersebut.



Dalam pada itu, beliau memaklumkan ekspo berkenaan menjadi titik permulaan kepada pelaksanaan siri taklimat dan pengagihan kit Dapur Hijau di seluruh Parlimen di Kelantan sebagai usaha memperluas budaya pengeluaran makanan di peringkat komuniti.

"Kerajaan Negeri akan terus komited memperkukuh agenda keterjaminan makanan dan pembangunan sektor agromakanan melalui pelbagai program yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

"Program seperti ini akan terus diperkasakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengeluaran makanan sendiri serta memperluaskan peluang ekonomi kepada komuniti setempat," katanya.

Beliau berharap lebih ramai komuniti, usahawan dan agensi akan terlibat pada masa hadapan bagi memastikan agenda keterjaminan makanan negeri terus diperkasa secara berterusan.

Setiap jajahan perlu lebih agresif turunkan kadar NRW - Dato' Dr Izani



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 8 Jun — Setiap jajahan di Kelantan perlu memainkan peranan secara lebih agresif dan proaktif dalam usaha menurunkan kadar Non-Revenue Water (NRW) bagi memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai sekali gus meningkatkan kecekapan sistem bekalan air negeri.

Exco Kerja Raya, Infrastruktur,

Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Izani Husin berkata, usaha mengurangkan NRW kekal menjadi antara agenda utama Kerajaan Negeri dan Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) dalam memperkukuh sistem pengagihan air serta meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pengguna.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan media susulan sesi taklimat bersama pihak AKSB Jajahan Kota Bharu Timur yang berlangsung di Ibu Pejabat AKSB, pada Khamis lalu.

Menurutnya, pelbagai inisiatif sedang dilaksanakan termasuk pengesanan kebocoran secara aktif, pembaikan paip rosak, penggantian paip usang serta pemantauan lebih

berkesan terhadap rangkaian agihan bekalan air.

Taklimat tersebut diadakan bagi meneliti perkembangan semasa bekalan air di kawasan Kota Bharu Timur serta menilai keberkesanan langkah-langkah yang sedang dilaksanakan bagi mengurangkan kadar kehilangan air terawat.

"Pengurangan NRW bukan sahaja mampu mengurangkan kehilangan air terawat, malah meningkatkan tekanan dan kestabilan bekalan kepada pengguna tanpa memerlukan sumber air tambahan yang besar," ujarnya.

Beliau juga menjelaskan, kejayaan menurunkan kadar NRW akan memberi manfaat langsung kepada pengguna menerusi sistem

bekalan air yang lebih cekap, stabil dan berdaya tahan.

Sehubungan itu, beliau menegaskan setiap jajahan perlu meningkatkan tahap pemantauan dan tindakan lapangan bagi memastikan setiap inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Setiap jajahan perlu memainkan peranan secara lebih agresif dan proaktif bagi memastikan sasaran penurunan NRW dapat dicapai mengikut perancangan yang telah ditetapkan," katanya.

Beliau juga menyeru agar kerjasama erat antara semua pihak yang terlibat amat penting bagi memastikan usaha pengurangan NRW memberikan impak optimum kepada sistem bekalan air negeri.

Kelantan-KPT bincang strategi pembangunan pendidikan tinggi dan modal insan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 7 Jun — Kerajaan Negeri Kelantan dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) membincangkan pelbagai strategi bagi memperluas peluang pembangunan akademik, penyelidikan dan modal insan sebagai usaha memperkukuh ekosistem pendidikan tinggi demi manfaat rakyat negeri ini.

Perkara tersebut dibincangkan dalam kunjung hormat Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat kepada Menteri Pendidikan Tinggi YB Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abdul Kadir di The Co-Work @ WTC, Kuala Lumpur, pada Khamis.

Dato' Wan Roslan berkata, pertemuan itu menjadi platform penting untuk membincangkan pelbagai agenda berkaitan pembangunan pendidikan tinggi, pengukuhan institusi pengajian serta penerokaan kerjasama strategik yang mampu memberikan impak positif kepada



rakyat Kelantan.

Menurutnya, perbincangan turut memberi tumpuan kepada usaha memperkasakan akses pendidikan berkualiti, memperkukuh kapasiti institusi pengajian tinggi serta memperluas ruang kerjasama dalam bidang penyelidikan, inovasi dan pembangunan bakat.

“Kerjasama erat antara kerajaan negeri dan Kementerian Pendidikan Tinggi amat penting dalam memastikan agenda pembangunan modal insan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan demi melahirkan generasi berilmu, berkemahiran dan berdaya saing,” katanya menerusi media sosial, pada Khamis.

Beliau berkata, sinergi antara

kedua-dua pihak juga penting dalam memastikan pembangunan pendidikan tinggi selari dengan keperluan semasa industri dan aspirasi pembangunan negeri.

Turut hadir dalam pertemuan tersebut ialah Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Datuk Profesor Dr Azlinda Azman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Ahmad Rizal Adnan, Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Profesor Dr. Mazlan bin Ibrahim dan Pendaftar KIAS Mohd Zahari Sulaiman.

Menurut Dato' Wan Roslan, penglibatan kepimpinan institusi pengajian tinggi dalam sesi perbincangan itu membolehkan pelbagai



pandangan, cadangan dan keperluan semasa sektor pendidikan tinggi diketengahkan bagi merangka pendekatan pembangunan yang lebih menyeluruh.

Beliau berharap hubungan baik antara Kerajaan Negeri, KPT dan institusi pengajian tinggi akan terus diperkasakan bagi menyokong kemajuan pendidikan, pembangunan modal insan serta kesejahteraan rakyat Kelantan.

“Semoga kerjasama yang dibina ini menjadi pemangkin kepada pelaksanaan lebih banyak inisiatif yang memberi manfaat kepada mahasiswa, institusi pendidikan dan masyarakat secara keseluruhannya,” ujarnya.

Kelantan utamakan kebajikan penjawat awam, tingkat mutu perkhidmatan kepada rakyat



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 7 Jun — Kerajaan Negeri Kelantan terus memberi keutamaan kepada kebajikan penjawat awam sebagai usaha memperkukuh kesejahteraan warga perkhidmatan awam dan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, kecemerlangan sesebuah organisasi tidak boleh dicapai hanya melalui tuntutan prestasi kerja yang tinggi, sebaliknya perlu diseimbangkan dengan aspek kebajikan dan kesejahteraan warga kerja.

Menurutnya, cabaran kehidupan masa kini termasuk peningkatan kos sara hidup, tekanan kerja serta tuntutan tugas yang semakin kompleks memerlukan perhatian serius agar penjawat awam dapat terus melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

“Kerajaan negeri sentiasa mengambil berat aspek kebajikan penjawat awam. Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang baharu merupakan salah satu usaha bagi memperkukuh kesejahteraan warga perkhidmatan awam agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah



Perkhidmatan Cemerlang Penjawat Awam Negeri Kelantan (APC) 2025 di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Jelasnya, walaupun peningkatan pendapatan bukan penyelesaian kepada semua cabaran yang dihadapi, langkah tersebut merupakan bentuk pengiktirafan terhadap sumbangan besar penjawat awam kepada pembangunan negeri dan negara.

Menurutnya lagi, kebajikan yang terpelihara akan melahirkan tenaga kerja yang lebih produktif, bermotivasi serta mempunyai tahap komitmen yang tinggi terhadap organisasi.

Dalam masa sama, beliau mengingatkan penjawat awam agar set-

iap kemudahan dan manfaat yang diberikan diterjemahkan melalui peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

“Rakyat berhak menerima perkhidmatan yang terbaik kerana mereka merupakan pihak yang menjadi fokus utama kepada kewujudan institusi kerajaan.

“Saya juga mengharapkan sekiranya masih terdapat amalan atau budaya negatif dalam tugas, hendaklah dihentikan dan disuburkan budaya kerja yang positif. Jangan kerana setitik nila, rosak susu sebelanga,” tegasnya.

Beliau turut menyeru penjawat awam negeri agar terus menampilkan imej perkhidmatan yang berintegriti, cekap dan berkualiti bagi mengekalkan kepercayaan serta penghargaan rakyat terhadap institusi kerajaan.

“Majlis APC 2025 diadakan sebagai pengiktirafan kepada penjawat awam yang menunjukkan prestasi cemerlang serta komitmen tinggi dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab perkhidmatan,” ujarnya.

Budaya ihsan penjawat awam pemangkin organisasi cekap berwibawa - Presiden PKPN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 8 Jun — Persatuan Pegawai-Pegawai Kontrak untuk Perkhidmatan Negeri Kelantan (PKPN) yakin penghayatan konsep ihsan dalam kalangan penjawat awam mampu menjadi pemangkin kepada pembentukan organisasi yang lebih cekap, telus dan berwibawa, selaras dengan aspirasi kerajaan negeri dalam memperkukuh tadbir urus berintegriti.

Presidennya, Ahmad Mustapha Ab Azais berkata, amanat Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Penjawat Awam Negeri Kelantan 2025 memberi penekanan tepat terhadap kepentingan konsep ihsan sebagai teras utama tadbir urus Islam.

Menurutnya, konsep tersebut menjadi panduan penting kepada seluruh penjawat awam dalam memperkukuh budaya kerja yang profesional, berkualiti dan berteraskan nilai Islam.

"Konsep ini menjadi panduan dan pedoman kepada seluruh penjawat awam serta menjadi asas penting dalam memperkukuh budaya kerja yang berkualiti, profesional dan berteraskan nilai-nilai Islam dalam setiap jabatan dan agensi kerajaan negeri.



"Kami percaya bahawa penghayatan nilai ihsan mampu memperkukuh komitmen setiap anggota perkhidmatan awam untuk melaksanakan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan, disiplin dan rasa tanggungjawab yang tinggi. Kesedaran bahawa setiap amanah yang dipikul adalah tanggungjawab yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT merupakan benteng terbaik dalam membendung salah guna kuasa, kecuai dan amalan yang menjejaskan integriti organisasi," katanya dalam kenyataan rasmi, hari ini.

Beliau juga menzahirkan komitmen sebagai sebahagian daripada jentera pentadbiran negeri, penjawat awam sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat meskipun berdepan pelbagai cabaran dalam melaksanakan tugas.

Menurutnya, penekanan terhadap nilai ihsan memberi suntikan

motivasi kepada warga perkhidmatan awam untuk terus meningkatkan kualiti kerja, produktiviti dan profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan.

Dalam masa sama, beliau menyatakan sokongan terhadap pendekatan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan kerana memberi penekanan seimbang kepada pembangunan fizikal, ekonomi dan modal insan.

"Persatuan ini juga menyambut baik pendekatan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang diperjuangkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Pendekatan ini memberi penekanan kepada pembangunan fizikal dan ekonomi serta turut menitikberatkan pembangunan modal insan yang berteraskan nilai-nilai Islam.

"Kami yakin bahawa penjawat awam yang menghayati konsep ihsan akan menjadi pemangkin ke-



pada pembentukan organisasi yang lebih cekap, telus dan berwibawa," katanya.

Sehubungan itu, PKPN beriltizam untuk terus menyokong usaha kerajaan negeri dalam memperkukuh tadbir urus yang berintegriti serta membudayakan nilai ihsan dalam setiap aspek perkhidmatan awam.

Beliau berharap usaha tersebut dapat melahirkan penjawat awam yang sahaja cemerlang dari sudut prestasi kerja bahkan memiliki keperibadian unggul serta menjadi contoh kepada masyarakat.

Ahmad Mustapha mewakili kepimpinan PKPN mengucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2025 dan berharap pengiktirafan yang diterima menjadi inspirasi kepada seluruh warga perkhidmatan awam negeri untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi, amanah dan ihsan.

Anak Machang antara 11 pelajar Kelantan lanjut pengajian ke Korea



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 7 Jun — Seorang anak Machang, Muhammad Harris Iskandar Shamsur terpilih sebagai antara 11 pelajar pertama yang akan melanjutkan pengajian ke Korea Selatan menerusi inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan dalam

memperluaskan akses pendidikan antarabangsa kepada pelajar cemerlang negeri ini.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, pelajar dari Kampung Baru Murni itu bakal mengikuti pengajian peringkat Diploma dalam bidang Ke-

juruteraan di Dongyang Mirae University (DMU), Korea Selatan.

Menurutnya, Muhammad Harris Iskandar yang merupakan lepasan Sekolah Menengah Ugama Arab (SMU-A) Al-Hasaniah, Pangkal Jenerih dipilih dalam kumpulan perintis pelajar Kelantan yang akan dihantar ke institusi pengajian tinggi berkenaan bermula tahun ini.

"Beliau adalah antara 11 pelajar yang akan mengikuti pengajian di Korea menerusi inisiatif kerajaan negeri yang dijadualkan bermula tahun ini," katanya menerusi media sosial, pada Sabtu.

Beliau berkata, program berkenaan merupakan langkah strategik kerajaan negeri dalam melahirkan lebih ramai modal insan berkemahi-

ran tinggi yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Dalam perkembangan yang sama, beliau memaklumkan satu memorandum persefahaman (MoU) antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Dongyang Mirae University akan dimeterai pada pertengahan Julai depan bagi memperkukuh kerjasama pendidikan antara kedua-dua pihak.

Sebelum ini, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat mengumumkan bahawa kerajaan negeri akan menghantar antara sepuluh hingga 15 pelajar ke Korea Selatan pada tahun 2026 sebagai fasa awal pelaksanaan program tersebut.

Kelantan sasar rakyat sihat sejahtera menjelang 2030

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 8 Jun — Kerajaan Negeri Kelantan menyasarkan pembentukan masyarakat yang sihat, sejahtera dan berkualiti menjelang tahun 2030 menerusi pelaksanaan agenda Kelantan Sihat yang digerakkan secara bersepadu bersama inisiatif Kelantanku Bersih dan Kelantan Hijau.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, matlamat tersebut selari dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang menekankan pembudayaan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat.

Menurutnya, kesihatan tidak boleh dilihat secara terpisah daripada aspek kebersihan persekitaran dan kelestarian alam sekitar kerana ketiga-tiganya merupakan komponen penting dalam melahirkan masyarakat yang produktif serta mempunyai kualiti hidup yang baik.

“Jika kita mahu rakyat sihat, maka kawasan kediaman mestilah bersih. Jika kita mahu generasi sihat, maka udara, air dan alam sekitar mesti dipelihara. Jika kita mahu masyarakat sejahtera, maka kesihatan fizikal dan mental mesti diberikan perhatian yang sama,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan media selepas merasmikan



kan Program Sihat Itu Saya (SIS) Peringkat Daerah Kuala Krai yang dianjurkan bersama oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Krai, Klinik Kesihatan Bandar Kuala Krai dan Majlis Daerah Kuala Krai di Dewan Sri Guchil, semalam.

Menurutnya, Program Sihat Itu Saya merupakan antara inisiatif utama di bawah ANMS yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membudayakan amalan hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Katanya lagi, program tersebut memberi tumpuan kepada saringan kesihatan dan pengesanan awal penyakit serta bertujuan mendidik rakyat supaya mengamalkan gaya hidup sihat serta mengambil langkah pencegahan sebelum berlakunya masalah kesihatan yang lebih serius.

“Program ini menggalakkan rakyat menjaga kesihatan diri,

memupuk kesejahteraan mental dan emosi serta meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap kesejahteraan keluarga dan komuniti.

“Matlamat akhirnya ialah melahirkan masyarakat yang aktif, sihat dan produktif,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan masyarakat mengenai cabaran kesihatan semasa berdasarkan dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023.

Beliau memaklumkan, sebanyak 54.4 peratus rakyat Malaysia dewasa berada dalam kategori berlebihan berat badan atau obes, manakala 15.6 peratus menghidap diabetes, 29.2 peratus hipertensi dan 33.3 peratus mempunyai paras kolesterol tinggi.

“Selain itu, hampir 30 peratus orang dewasa didapati tidak aktif secara fizikal. Statistik ini menunjukkan keperluan mendesak untuk

memperkuh budaya hidup sihat dalam masyarakat,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menyeru rakyat supaya membudayakan aktiviti fizikal sekurang-kurangnya 30 minit sehari serta menjadikan amalan berjalan kaki sebagai sebahagian daripada rutin harian.

Kempen tersebut turut dimulakan dalam kalangan petugas dan kakitangan Jabatan Kesihatan Daerah menerusi sasaran berjalan 10,000 langkah sehari sebagai usaha membentuk gaya hidup yang lebih aktif.

YB Hilmi berharap program seumpama itu terus diperkaskan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan kesihatan, sekali gus membantu merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk melahirkan rakyat Kelantan yang sihat, sejahtera dan berkualiti menjelang tahun 2030.

MDTM anjur Kempen Cabutan Bertuah Bulanan hargai pembayar cukai taksiran

Oleh: Asri Hamat

TANAH MERAH, 8 Jun — Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) menganjurkan Kempen Cabutan Bertuah Bulanan sebagai tanda penghargaan kepada pembayar cukai yang menjelaskan Cukai Taksiran Tahun 2026, sekali gus menggalakkan budaya pembayaran cukai secara konsisten dan tepat pada masanya.

Kempen tersebut berlangsung selama tiga bulan bermula Jun hingga Ogos 2026 dengan menawarkan hadiah wang tunai RM150 kepada lima pemenang pada setiap bulan.

MDTM menerusi hantaran di media sosial hari ini memaklumkan bahawa pembayar cukai yang melunaskan Cukai Taksiran Tahun 2026 secara penuh serta tidak mempunyai tunggakan layak menyertai cabutan bertuah berkenaan.

Menurut kenyataan itu, pembayar yang membuat bayaran sebelum bulan cabutan dijalankan turut berpeluang menyertai cabutan bagi bulan semasa dan bulan-bulan berikutnya sepanjang tempoh kempen berlangsung.

“Penyertaan ini terbuka kepada pembayar cukai yang menjelaskan bayaran penuh Cukai Taksiran Tahun 2026 dan tidak mempunyai sebarang tunggakan cukai,” katanya.

MDTM turut memaklumkan bahawa semua pemenang cabutan bertuah bulanan akan secara automatik layak menyertai Cabutan Mega yang dijadualkan berlangsung pada September 2026.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai kempen tersebut boleh menghubungi Unit Cukai MDTM di talian 017-843 6026.

RM100,000 disalur kepada pekebun durian, kelantan sasar pasaran durian premium

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 7 Jun - Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan berjumlah RM100,000 kepada pekebun di bawah Persatuan Usahawan Durian Negeri Kelantan (PUDNK) bagi memperkukuh pembangunan industri durian premium yang berpotensi menembusi pasaran domestik dan antarabangsa.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata permintaan yang semakin meningkat terhadap durian premium membuka peluang besar kepada pengusaha tempatan untuk menghasilkan buah berkualiti tinggi yang mampu bersaing di pasaran global.

Menurutnya, bantuan tersebut meliputi keperluan input pertanian, penyelenggaraan kebun serta penggunaan mekanisasi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti pengeluaran.

"Durian merupakan antara komoditi bernilai tinggi yang mempunyai potensi besar untuk meningkatkan pendapatan pekebun serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

"Kelantan mempunyai kelebihan dari segi keluasan tanah, pengalaman pekebun serta persekitaran yang sesuai untuk pembangunan tanaman durian premium seperti Musang King dan Duri Hitam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Penutupan Kursus Hands-On Durian Unggul: Misi Hasil Tahun Ke-6 yang



berlangsung di Zuljati Agro Resort, semalam.

Menurutnya lagi, pembangunan industri durian perlu dilihat sebagai pelaburan jangka panjang yang mampu menjana pendapatan lumayan kepada rakyat serta memberi nilai tambah kepada ekonomi negeri melalui pembangunan rantaian industri yang mampan.

Beliau juga memaklumkan, kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan modal insan sektor pertanian menerusi pelbagai program latihan, pementoran, pemindahan teknologi dan bantuan pembangunan kebun.

Dalam usaha melahirkan lebih ramai pengusaha durian berdaya saing, Program Inkubasi dan Pementoran Komuniti Durian Al-Falah dilaksanakan dengan kerjasama Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. (DAMAI), Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), PUDNK dan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.

Program yang menerima peruntukan RM180,000 itu melibatkan enam peserta yang dibimbing se-

cara berfasa sepanjang 2023 hingga 2024.

"Hasil program ini, hampir 11.5 ekar kawasan tanaman durian premium berjaya dibangunkan mengikut standard pengurusan kebun yang sistematik serta dipantau secara berterusan.

"Kejayaan ini membuktikan bahawa pendekatan latihan, pementoran dan sokongan berterusan mampu melahirkan lebih ramai pengusaha durian yang berdaya maju dan berdaya saing," ujarnya.

Beliau turut menegaskan bahawa kejayaan industri durian moden memerlukan komitmen pengusaha untuk terus meningkatkan ilmu, kemahiran dan amalan pengurusan kebun yang cekap.

Tambahnya, pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP), disiplin pengurusan serta penguasaan ilmu teknikal merupakan faktor penting dalam memastikan pengeluaran hasil yang berkualiti dan konsisten.

"Pendekatan kursus yang menggabungkan 30 peratus teori dan 70

“

Kelantan mempunyai kelebihan dari segi keluasan tanah, pengalaman pekebun serta persekitaran yang sesuai untuk pembangunan tanaman durian premium seperti Musang King dan Duri Hitam,”

peratus amali memberi peluang kepada peserta mempelajari serta mempraktikkan teknik pengurusan durian secara terus di lapangan.

"Penghasilan buah yang berkualiti tinggi tidak berlaku secara kebetulan, sebaliknya lahir daripada pengurusan kebun yang sistematik, konsisten dan berterusan.

"Oleh itu, ilmu dan pengalaman yang dikongsi sepanjang kursus ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi memastikan hasil optimum serta pulangan pelaburan yang lebih tinggi kepada pekebun," katanya.

Beliau yakin industri durian Kelantan mampu berkembang lebih pesat sekiranya pengusaha terus mengamalkan pengurusan kebun yang baik, meningkatkan kemahiran teknikal serta mematuhi standard pengeluaran yang ditetapkan.

Beliau juga optimis usaha tersebut berpotensi meletakkan Kelantan sebagai antara pengeluar utama durian premium negara serta destinasi agropelancongan durian yang berdaya saing di Malaysia.



Dua kampung di Pulau Chondong terima peruntukan khas Projek Perintis Zon Komuniti Dapur Hijau

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 5 Jun - Kampung Pangkal Kerdas dan Kampung Rengas di Dewan Negeri (DUN) Pulau Chondong dipilih sebagai projek perintis Zon Komuniti Dapur Hijau dan bakal menerima peruntukan khas daripada Kerajaan Negeri bagi memperkasa aktiviti pertanian komuniti serta mewujudkan persekitaran yang lebih hijau, sihat dan produktif.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, inisiatif baharu itu diperkenalkan sebagai langkah memperluaskan budaya pertanian keluarga dan komuniti secara lebih tersusun di peringkat akar umbi.

Menurutnya, Zon Komuniti Dapur Hijau berpotensi menjadi model pembangunan komuniti berasaskan pertanian yang dapat meningkatkan keterjaminan makanan serta mengeratkan hubungan sosial dalam kalangan penduduk.

Beliau berkata demikian ketika



berucap pada Program Ekspo Dapur Hijau 2026 di sini, hari ini.

Dalam perkembangan sama, beliau memaklumkan sebanyak 40 peserta di setiap 45 DUN seluruh Kelantan akan menerima kit Dapur Hijau pada tahun ini, dengan pelaksanaan program dimulakan di kawasan Parlimen Machang dan Kete-reh.

Katanya lagi, tema Ekspo Dapur Hijau tahun ini, "Keluarga Bertani, Sihat Harmoni", menekankan penglibatan seluruh institusi keluarga dalam aktiviti pertanian.

"Kita mahu ayah, ibu dan anak-anak bersama-sama berganding bahu mengusahakan pertanian di

kawasan rumah masing-masing. Melalui pendekatan ini, kita dapat memupuk semangat kerjasama keluarga di samping mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat.

"Kita tanam apa yang kita makan dan kita makan apa yang kita tanam," jelasnya.

Menurutnya, setiap peserta turut menerima sepuluh jenis benih sayuran serta pokok buah-buahan yang mampu memberi manfaat jangka panjang kepada keluarga.

Bagi tahun ini peserta menerima pokok limau nipis selepas sebelum ini menerima beberapa varieti limau lain termasuk limau kasturi dan limau purut.



Tambahnya, peserta yang menunjukkan potensi turut akan dikenal pasti untuk dinaik taraf sebagai Usahawan Tani Dapur Hijau melalui bantuan tambahan melibatkan projek fertigasi, hidroponik dan akuaponik.

"Pendekatan ini dapat menggalakkan aktiviti pertanian sara diri dan berupaya melahirkan lebih ramai usahawan tani yang mampu menjana pendapatan melalui sektor agromakanan," ujarnya.

Turut hadir, timbalannya, YB Dato' Shaari Mat Hussain, Ketua Jajahan Machang Mohd Zamri Ibrahim serta Ahli Dewan Negeri (ADN) Pulau Chondong YB Azhar Salleh.

Laluan masuk Jeram Linang dibersihkan, mudahkan pengunjung dan penjaja -YB Mohd Rodzi



Oleh: Irham Hilmi Hashim


PASIR PUTEH, 9 Jun – Ahli Dewan Negeri (ADN) Gaal YB Mohd Rodzi Ja'afar mengambil inisiatif segera membersihkan laluan masuk ke Hutan Lipur Jeram Linang bagi mengatasi kesukaran yang dihadapi pengunjung dan penjaja yang menggunakan kemudahan rekreasi tersebut.

Katanya, tindakan itu diambil susulan rungutan yang diterima daripada para pengunjung dan penjaja mengenai keadaan laluan masuk ke

kawasan air terjun berkenaan yang sempit serta menyukarkan pergerakan kenderaan.

Beliau memaklumkan, pihaknya telah menyewa jentera bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan di sepanjang laluan masuk ke Hutan Lipur Jeram Linang sebagai langkah penyelesaian segera untuk memudahkan orang ramai mengunjungi pusat rekreasi tersebut.

"Hutan Lipur Jeram Linang terletak dalam kawasan Hutan Simpan Ulut Sat, Machang, namun laluan



masuk ke lokasi berkenaan berada dalam kawasan DUN Gaal, Pasir Puteh.

"Sebelum ini, keadaan laluan menyebabkan kenderaan sukar untuk berselisih antara satu sama lain. Alhamdulillah, selepas kerja-kerja pembersihan dijalankan, laluan tersebut kini lebih luas dan kenderaan boleh berselisih dengan lebih mudah," katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Menurutnya lagi, usaha tersebut merupakan langkah awal bagi

meningkatkan keselesaan pengguna yang berkunjung ke Jeram Linang, khususnya pada musim cuti dan hujung minggu yang lazimnya menerima kehadiran pengunjung yang ramai.

Beliau menzahirkan penghargaan atas kerjasama semua pihak yang terlibat yang menyokong usaha pembersihan dan penyelenggaraan bagi memastikan laluan tersebut berada dalam keadaan yang lebih baik dan selesa pada masa hadapan.

"Terima kasih kepada Jabatan Perhutanan dan Exco Pelancongan Negeri Kelantan atas sokongan terhadap usaha meningkatkan kemudahan di kawasan pelancongan berkenaan.

"Insya Allah, dengan kemudahan yang lebih baik, lebih ramai pengunjung akan datang ke Air Terjun Jeram Linang dan menikmati keindahan kawasan rekreasi ini," katanya.

Kelantan-LPNM sahut seruan KPKM perkukuh industri nanas melalui sokongan teknologi dan kepakaran

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 Jun — Kerajaan Negeri Kelantan bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan terus menyahut seruan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk memperkukuh pembangunan sektor nanas menerusi sokongan teknikal, pemindahan teknologi serta pelbagai inisiatif yang memberi manfaat langsung kepada para petani.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, komitmen tersebut diterjemahkan melalui sesi libat urus bersama komuniti petani nanas di Dewan Negeri (DUN) Selising bagi membincangkan potensi serta hala tuju pengembangan industri berkenaan di kawasan tersebut.

Menurutnya, pertemuan yang turut melibatkan pihak LPNM Negeri Kelantan itu menjadi platform penting untuk mendapatkan



maklum balas secara langsung daripada pengusaha berkaitan cabaran semasa, keperluan industri serta peluang pembangunan yang boleh diterokai.

“Perbincangan ini turut menjadi platform bagi mendapatkan maklum balas secara langsung daripada pengusaha mengenai keperluan dan cabaran yang dihadapi dalam pembangunan industri nanas di kawasan mereka,” katanya menerusi media sosial pada Isnin.

Beliau memaklumkan, industri nanas mempunyai potensi besar untuk terus berkembang sebagai salah

satu subsektor agromakanan yang mampu menjana pendapatan mampan kepada petani serta merancakan ekonomi luar bandar.

Katanya, usaha memperkasa industri tersebut akan diperkukuhkan melalui pelaksanaan program pembangunan yang lebih tersusun termasuk bantuan teknikal, penggunaan teknologi moden dan peningkatan kemahiran pengusaha.

“Kerajaan Negeri bersama LPNM akan terus berganding bahu bagi memastikan industri nanas berkembang secara mampan dan berdaya saing, sekali gus memberi

pulangan lebih baik kepada para petani,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan komitmen kerajaan negeri untuk meneruskan kerjasama strategik dengan agensi berkaitan bagi memastikan pembangunan industri nanas dapat dilaksanakan secara berterusan dan menyeluruh.

Beliau juga berharap langkah tersebut dapat menjadikan industri nanas sebagai antara pemacu utama sektor agromakanan negeri serta menyumbang kepada peningkatan taraf sosioekonomi komuniti luar bandar di Kelantan.

SKC Kuala Balah santuni 12 keluarga uzur dan sakit di Batu Melintang



Oleh: Syamimi Manah

JELI, 9 Jun – Skuad Kita Cakna (SKC) DUN Kuala Balah meneruskan agenda kebajikan masyarakat apabila menyantuni 12 keluarga di Mukim Batu Melintang yang berdepan pelbagai masalah kesihatan dan memerlukan perhatian khusus.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Balah YB Dato' Abdul Hadi Awang Kechil berkata, program ziarah yang diadakan di Mukim Batu Melintang itu memberi pel-

uang kepada pihaknya mendekati golongan yang sedang diuji dengan penyakit, uzur serta warga emas.

Menurutnya, lawatan tersebut melibatkan keluarga yang berdepan pelbagai situasi termasuk pesakit strok, sakit jantung, kencing manis kronik, sakit terlantar, mangsa kemalangan, individu yang mengalami kecederaan kaki melecur serta warga emas yang memerlukan sokongan berterusan.

“Alhamdulillah, bersama Skuad Kita Cakna (SKC) DUN Kuala Ba-

lah, kami santuni 12 keluarga anak Mukim Batu Melintang yang memerlukan pemerhatian kami kerana sakit, uzur dan warga emas.

“Semoga semuanya cepat sembuh dan diberi keberkatan oleh Allah SWT,” katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau memaklumkan, program ziarah seumpama itu bertujuan menyampaikan bantuan dan sokongan moral dan menjadi medium untuk mendengar sendiri keperluan

rakyat di peringkat akar umbi.

Katanya lagi, SKC DUN Kuala Balah akan terus memperkukuhkan peranan sebagai penghubung antara masyarakat dan pihak berkaitan bagi memastikan kebajikan golongan memerlukan sentiasa terbela.

Beliau berharap usaha berterusan itu dapat meringankan beban keluarga yang sedang menghadapi ujian kesihatan selain mengeratkan hubungan silaturahim dalam komuniti setempat.



14 warga Guchil terima manfaat skim kebajikan dan penghargaan kerajaan negeri

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 9 Jun – Sebanyak 14 warga DUN Guchil menerima manfaat menerusi pelbagai skim kebajikan dan penghargaan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam satu majlis penyampaian sumbangan yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Guchil semalam.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil YB Hilmi Abdullah berkata, sumbangan tersebut melibatkan penerima Skim Bantuan Pelajar Cemerlang, Skim Gerbang Az-Ziwaaj dan Manfaat Kifaalah Kerajaan Negeri Kelantan.

Menurutnya yang juga Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, program itu merupakan antara usaha berterusan kerajaan negeri dalam menghargai kejayaan rakyat, meraikan fasa penting kehidupan serta membantu keluarga yang ditimpa



musibah.

“Alhamdulillah, saya berkesempatan meluangkan masa ke Pusat Khidmat DUN Guchil bagi menyampaikan sumbangan kepada penerima yang layak di bawah skim-skim yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan,” katanya menerusi media rasmi, semalam.

Beliau memaklumkan, sebanyak enam orang menerima Skim Kifaalah yang disalurkan kepada

wasi yang kehilangan ahli keluarga, manakala dua pasangan menerima Skim Gerbang Az-Ziwaaj.

Selain itu, enam pelajar turut menerima Skim Bantuan Pelajar Cemerlang sebagai penghargaan atas kejayaan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025.

Menurutnya, pelaksanaan pelbagai skim kebajikan dan penghargaan tersebut membuktikan komitmen



men Kerajaan Negeri Kelantan dalam memastikan kebajikan rakyat terus diberi perhatian merangkumi pelbagai peringkat kehidupan masyarakat.

Beliau berharap inisiatif yang dilaksanakan itu dapat memberi manfaat kepada rakyat serta memperkukuhkan hubungan kerajaan negeri dan masyarakat melalui pelbagai bentuk bantuan yang disediakan.

27 buah rumah musnah dalam kebakaran Gok Kapur, bantuan segera diperlukan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 8 Jun – Bantuan segera diperlukan bagi membantu mangsa kebakaran di Kampung Gok Kapur selepas 27 buah rumah dilaporkan musnah dalam kejadian yang berlaku tengah hari tadi, melibatkan 130 mangsa.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang YB Dato' Dr Izani Husin berkata, beliau menerima maklumat mengenai kejadian tersebut sekitar pukul 12.30 tengah hari sebelum terus bergegas ke lokasi bagi meninjau keadaan serta bertemu sendiri

dengan mangsa yang terlibat.

Menurutnya, tragedi berkenaan meninggalkan kesan mendalam kepada keluarga yang kehilangan tempat tinggal dan harta benda dalam sekelip mata.

“Melihat wajah-wajah mereka yang masih terkejut dan pilu benar-benar menyentuh hati. Dalam sekelip mata, mereka telah kehilangan tempat berteduh dan harta benda akibat kebakaran ini,” katanya di laman rasmi, hari ini.

Beliau menzahirkan simpati walaupun tiada kata-kata yang mampu menggantikan kehilangan



yang ditanggung mangsa.

Beliau menasihati mangsa agar menginsafi setiap ujian yang diturunkan oleh Allah SWT pasti mempunyai hikmah yang tersendiri.

“Saya berpesan kepada mereka agar terus kuat menghadapi dugaan ini dan jangan berasa keseorangan kerana ramai yang bersedia menghulurkan bantuan,” ujarnya.

Sehubungan itu, Tabung Kecemasan Kebakaran Gok Kapur dibuka segera bagi membantu meringankan beban mangsa yang terjejas.

“Kita akan berusaha memastikan mangsa menerima bantuan yang sewajarnya. Selain Tabung Kecemasan Kebakaran Gok Kapur, kita juga akan cuba membantu melalui Tabung Serambi Mekah Kerajaan Negeri Kelantan dan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi meringankan beban mereka dalam tempoh pemulihan ini,” jelasnya.

Dato' Dr Izani turut menyeru orang ramai yang berkemampuan supaya bersama-sama menyumbang mengikut kemampuan masing-masing bagi membantu menyediakan keperluan asas serta menyokong usaha pemulihan mangsa.

“Dalam saat sukar ini, sokongan dan keprihatinan masyarakat amat diperlukan bagi membantu mereka yang sedang berdepan ujian besar,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pasukan bomba, agensi penyelamat serta semua pihak yang terlibat dalam operasi dan usaha membantu mangsa kebakaran berkenaan.

RM1,000 bantuan segera kepada setiap keluarga mangsa kebakaran Gok Kapur

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 9 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan menyalurkan bantuan segera sebanyak RM1,000 kepada setiap keluarga yang terjejas dalam kebakaran besar di Kampung Cina, Gok Kapur bagi membantu meringankan beban mangsa yang kehilangan kediaman dan harta benda.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, bantuan melalui Tabung Serambi Mekah itu telah disampaikan kepada semua keluarga yang terlibat sebagai langkah awal membantu mereka meneruskan kehidupan selepas ditimpa musibah.

Menurutnya, kerajaan negeri amat berdukacita dengan kejadian yang mengakibatkan 27 buah rumah musnah dan menjejaskan seramai 110 mangsa daripada beberapa keluarga.

"Kita telah menyampaikan bantuan awal sebanyak RM1,000 kepada setiap keluarga mangsa melalui Tabung Serambi Mekah bagi meringankan beban yang ditanggung mereka dalam keadaan yang sangat mencabar ini," katanya ketika mel-



awat lokasi kebakaran di Kampung Gok Kapur, hari ini.

Beliau memaklumkan, kerajaan negeri turut mengarahkan agensi berkaitan menyelaras bantuan kecemasan dengan segera termasuk penyediaan tempat perlindungan sementara, bekalan makanan dan keperluan asas kepada semua mangsa.

Selain bantuan kewangan, pelbagai bentuk bantuan lain turut disalurkan oleh beberapa agensi dan syarikat berkaitan kerajaan negeri termasuk Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Pertubuhan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Kelantan (PURNAMA), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Dato' Mohd Nassuruddin turut melahirkan rasa syukur kerana tiada kehilangan nyawa atau kecederaan dilaporkan dalam tragedi tersebut.

"Kita bersyukur kerana semua mangsa selamat. Pada masa yang sama, saya merakamkan penghargaan kepada pihak bomba, polis, agensi penyelamat serta sukarelawan yang bertindak pantas mengawal kebakaran daripada terus merebak," katanya.

Jelasnya, mangsa lelaki kini ditempatkan sementara di surau berhampiran yang tidak terjejas dalam kebakaran, manakala mangsa wanita ditempatkan di Masjid Sul-



tan Ismail Petra Mukim Banggol.

Mengenai perancangan penempatan jangka panjang, beliau berkata kerajaan negeri akan meneliti terlebih dahulu status pemilikan tanah dan keadaan setiap keluarga sebelum membuat keputusan lanjut.

"Perkara berkaitan pembinaan semula rumah atau penempatan kekal akan dibincangkan kemudian. Kita perlu melihat beberapa aspek termasuk status tanah yang difahamkan sebahagiannya merupakan tanah sewaan," ujarnya.

Beliau turut menyeru orang ramai dan pihak korporat agar terus menghulurkan sumbangan bagi membantu meringankan beban mangsa serta mempercepatkan proses pemulihan mereka.

ADN Kijang salur sumbangan peribadi kepada mangsa kebakaran Kampung Cina Gok Kapur



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 9 Jun - Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang YB Dato' Dr Izani Husin menyampaikan sumbangan peribadi kepada keluarga yang terjejas dalam kejadian kebakaran di Kampung Cina Gok Kapur.

Beliau yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan meminta penghu-



kebakaran bagi membolehkan satu pertemuan diadakan dalam suasana yang lebih tenang selain menyampaikan sumbangan kepada setiap keluarga yang terlibat, hari ini.

Dalam pertemuan itu, beliau turut menasihati mangsa agar terus tabah menghadapi ujian yang menimpa mereka.

"Benar, kebakaran telah memusnahkan rumah dan harta benda yang dikumpul bertahun-tahun laman-

ya, namun jangan sesekali hilang harapan kepada Allah SWT. Setiap ujian yang diturunkan pasti ada hikmah yang tersembunyi di sebaliknya," katanya dalam media sosial, hari ini.

Beliau berkata, kejadian itu menjadi ujian kepada mangsa yang kehilangan tempat berteduh dan turut menjadi amanah dan tanggungjawab buatnya dalam menguruskan bantuan serta memastikan ke-

bajikan mereka terus terbela.

Pada masa sama, beliau merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa, termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat, pempengaruh dan individu perseorangan.

Beliau turut membuka ruang kepada mana-mana pihak yang ingin menghulurkan bantuan bagi meringankan beban mangsa kebakaran berkenaan.

"Semoga setiap sumbangan yang dihulurkan menjadi asbab meringankan beban mangsa dan diberi ganjaran yang besar di sisi Allah SWT," katanya.

Dalam kebakaran yang berlaku tengahari semalam, sebanyak 27 buah rumah musnah yang menjejaskan 110 mangsa.

Kelantan-FAMA berusaha jadikan RTC Tunjung hab agromakanan strategik

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 Jun — Kerajaan Negeri Kelantan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membincangkan usaha memperkukuh peranan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung sebagai hab pemasaran dan pengumpulan hasil agromakanan yang strategik, sekali gus memperkasakan rantai bekalan serta memperluas pasaran produk pertanian negeri.

Perkara tersebut menjadi fokus utama sempena kunjungan hormat Pengarah FAMA Kelantan Muhammad Razis Samsu kepada Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, pada Isnin.

Dato' Tuan Mohd Saripudin berkata, RTC Tunjung memainkan peranan penting sebagai pusat pengumpulan dan pemasaran hasil agromakanan yang menghubungkan pengeluaran dengan pasaran secara lebih tersusun dan berkesan.



“Pertemuan ini membuka ruang perbincangan yang konstruktif berkaitan perkembangan semasa Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung sebagai hab pemasaran dan pengumpulan hasil agromakanan yang strategik di negeri Kelantan,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Menurutnya, kedua-dua pihak turut meneliti strategi memperkukuh pemasaran digital bagi membantu usahawan tani tempatan meningkatkan daya saing serta memperluas capaian pasaran selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

Katanya lagi, penggunaan plat-

form digital kini menjadi antara elemen penting dalam mempromosikan produk agromakanan tempatan kepada lebih ramai pengguna, sekali gus meningkatkan nilai jualan dan pendapatan pengusaha.

Selain itu, pertemuan berkecuali turut membincangkan potensi pengembangan pasaran antarabangsa bagi produk agromakanan Kelantan yang mempunyai nilai komersial tinggi.

“Turut dibincangkan potensi pengembangan pasaran luar negara bagi produk agromakanan Kelantan, termasuk memperkukuhkan jaringan pemasaran antarabangsa serta meningkatkan nilai tambah

produk tempatan agar mampu bersaing di peringkat global,” jelasnya.

Beliau memaklumkan, kerjasama erat Kerajaan Negeri Kelantan dan FAMA penting dalam memastikan sektor agromakanan terus berkembang sebagai antara pemacu ekonomi negeri.

“Semoga hubungan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan FAMA terus diperkukuhkan demi memajukan sektor agromakanan, meningkatkan pendapatan pengusaha serta memastikan produk keluaran Kelantan terus mendapat tempat di pasaran domestik dan antarabangsa,” ujarnya.



50 mahasiswa baharu DUN Bunut Payong terima sumbangan pendidikan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 7 Jun — Sebanyak 50 mahasiswa baharu dari DUN Bunut Payong yang bakal melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) menerima sumbangan pendidikan sebagai persediaan menghadapi fasa baharu kehidupan di kampus.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman berkata, peralihan daripada alam persekolahan ke institusi pengajian tinggi merupakan satu pengalaman penting yang menuntut daya tahan, kematangan serta keupayaan menyesuaikan diri dengan perseki-

taran baharu.

Menurutnya, cabaran tersebut lebih dirasai oleh pelajar yang terpaksa berjauhan daripada keluarga dan perlu menyesuaikan diri dengan budaya serta suasana yang berbeza.

“Apabila berada dalam suasana dan budaya yang berbeza, pelajar perlu mempertahankan jati diri serta menjaga batas pergaulan.

“Maklumkan kepada ibu bapa atau keluarga sekiranya berdepan sebarang masalah ketika berada di tempat orang,” katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan kepada Pelajar yang bakal melanjutkan pengajian ke



IPTA dan IPTS peringkat DUN Bunut Payong di Dewan Pusat Khidmat DUN (PKD) Bunut Payong, di sini, semalam.

Beliau berharap sumbangan yang diberikan dapat menjadi pemangkin semangat kepada para pelajar untuk melakar kecemerlangan akademik serta mengharumkan nama keluarga dan daerah.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan para mahasiswa agar sentiasa memasang tekad yang tinggi dalam mengejar cita-cita serta memanfaatkan peluang pendidikan yang diperolehi sebaik mungkin.

Katanya lagi, perkembangan teknologi komunikasi masa kini mem-

bolehkan pelajar terus berhubung dengan keluarga walaupun berada jauh di perantauan, sekali gus membantu mengukuhkan sokongan emosi sepanjang tempoh pengajian.

“Gunakanlah kemudahan teknologi yang ada secara berhemah dan bermanfaat bagi mengekalkan hubungan baik dengan keluarga serta membantu proses pembelajaran,” ujarnya.

Beliau turut menegaskan bahawa aspek kerohanian perlu menjadi keutamaan dalam kehidupan mahasiswa kerana ia merupakan asas penting dalam membentuk sahsiah dan jati diri yang kukuh.

“Paling utama, jagalah hubungan dengan Allah SWT, peliharalah agama dan jangan sekali-kali meninggalkan solat walau dalam apa jua keadaan,” katanya.

Menurutnya, mahasiswa yang cemerlang diukur melalui pencapaian akademik, kekuatan akhlak, disiplin dan pegangan agama yang mampu membentuk generasi berilmu serta berdaya saing pada masa hadapan.

Exco Kebajikan santuni mangsa kebakaran Kampung Gok Kapur, **hargai komitmen petugas**

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 10 Jun – Exco Kebajikan, Pembangunan Keluar-ga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim turun padang menyantuni mangsa kebakaran di Kampung Gok Kapur di sini, serta menghargai komitmen semua petugas dan suka-relawan yang bertungkus-lumus membantu keluarga terjejas sejak hari pertama kejadian pada 8 Jun lalu.

Beliau berkata, tragedi yang menimpa 29 keluarga itu amat menyentuh perasaan apabila ramai mangsa kehilangan tempat berteduh dalam sekelip mata, malah ada yang hanya sempat menyelamatkan diri tanpa membawa keluar barangan berharga dan dokumen penting.

Menurutnya, ujian yang menimpa mangsa amat dirasakan lebih-lebih lagi ketika sesi persekolahan baru sahaja bermula, sekali gus menuntut tindakan segera bagi memastikan kebajikan keluarga terlibat terus terbelah.

“Sejurus menerima maklumat mengenai kejadian ini, saya terus mengarahkan semua agensi



berkaitan turun ke lapangan bagi menyelaraskan bantuan dan memastikan keperluan mangsa dapat ditangani dengan segera,” katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau juga mengakui, lawatan ke lokasi kejadian membolehkan beliau melihat sendiri keadaan mangsa selain mendengar keperluan yang diperlukan bagi membantu mereka meneruskan kehidupan selepas ditimpa musibah.

“Alhamdulillah, sedikit bantuan segera dapat dihulurkan kepada mangsa sementara usaha sedang giat dijalankan oleh agensi berkaitan bagi menyediakan bantuan susulan demi kelangsungan hidup keluarga yang terjejas serta memastikan pem-

belajaran anak-anak mereka tidak terabai,” ujarnya.

Dato' Rohani turut menyeru seluruh rakyat Kelantan dan Malaysia untuk bersama-sama menghulurkan sumbangan kepada mangsa kebakaran sebagai tanda keprihatinan dan solidariti terhadap mereka yang sedang berdepan ujian berat.

“Semoga bantuan yang disalurkan menjadi sinar harapan dan sumber kekuatan kepada mangsa.

Mudah-mudahan setiap sumbangan yang diberikan akan mendapat ganjaran sebaik-baik pahala daripada Allah SWT,” katanya.

Beliau merakamkan penghargaan kepada Exco Kerajaan Negeri Kelantan yang juga Ahli Dewan



Negeri (ADN) Kijang YB Dato' Dr Izani Husin, Pusat Khidmat DUN Kijang, penghulu serta seluruh pasukan kerja yang telah turun membantu mangsa sejak awal kejadian.

Katanya, komitmen semua pihak yang tidak henti-henti menguruskan pelbagai keperluan mangsa, memberi nasihat serta menyuntik semangat kepada keluarga terjejas amat dihargai dan wajar dicontohi.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada semua petugas yang telah mencurahkan tenaga dan masa membantu mangsa kebakaran. Semoga segala usaha dan pengorbanan mereka dibalas dengan ganjaran kebaikan di dunia dan akhirat,” ujarnya.

Isu pelarian: Tutup ‘**pintu bocor**’ sempadan demi keselamatan negara - Dato' Mumtaz



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 7 Jun – Kawalan sempadan negara perlu diperkukuhkan bagi mengekang kemasukan pelarian secara tidak terkawal demi menjamin keselamatan, keharmonian masyarakat dan kedaulatan negara,

Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawawi berkata, isu pelarian tidak boleh lagi ditangani sekadar menguruskan kesan yang timbul, sebaliknya memerlukan pendekatan pencegahan yang lebih menyeluruh di seluruh pintu masuk negara.

Menurutnya, prinsip “no entry, no paperwork” perlu diberi perhatian sebagai langkah awal bagi mengelakkan masalah tersebut terus berulang.

“Isu pelarian tidak boleh lagi dirawat sekadar simptom. Langkah pencegahan mesti dibuat di seluruh sempadan negara supaya masalah ini dapat ditangani dari puncanya,” katanya di laman rasmi, semalam.

Tegasnya, kerajaan juga perlu menutup segala kelemahan yang membuka ruang kepada kemasukan pelarian dan pendatang tanpa dokumen, selain mempercepatkan proses penempatan mereka ke negara ketiga.

“Kita wajib menutup rapat segala ‘pintu bocor’ sempadan dan mempercepatkan proses penghantaran mereka ke negara ketiga. Langkah ini penting bagi memastikan isu pelarian dapat diurus secara lebih berkesan,” ujarnya.

Beliau menjelaskan bahawa Malaysia bukan negara yang mer-

atifikasi Konvensyen Pelarian 1951, justeru sebarang dasar berkaitan pelarian perlu mengambil kira kapasiti serta kemampuan negara dalam menguruskan isu berkenaan.

Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa prinsip kemanusiaan tetap perlu dipelihara termasuk menghormati prinsip non-refoulement yang tidak membenarkan pelarian dihantar pulang ke kawasan yang boleh mengancam keselamatan mereka.

Dalam masa sama, Dato' Mumtaz berpandangan penempatan semula ke negara ketiga merupakan penyelesaian jangka panjang yang lebih mampan, selain mampu membantu memutuskan rangkaian sindiket perdagangan manusia dan eksploitasi migran yang mengambil kesempatan terhadap golongan terbabit.

Beliau turut menyeru agar komuniti antarabangsa termasuk ASEAN, Pertubuhan Kerjasama

Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan lebih aktif dalam berkongsi tanggungjawab menangani isu pelarian, sebagaimana yang pernah dilaksanakan dalam pengurusan pelarian Vietnam suatu ketika dahulu.

Selain itu, beliau menegaskan bahawa status pelarian tidak memberikan sebarang keistimewaan untuk dikecualikan daripada undang-undang negara.

“Status pelarian tidak memberikan sebarang pengecualian daripada pematuhan undang-undang negara. Sesiapa yang berada di Malaysia wajib menghormati dan tertakluk kepada kedaulatan undang-undang tempatan,” tegasnya.

Tambahnya, keseimbangan antara pertimbangan kemanusiaan, keselamatan negara dan kedaulatan undang-undang perlu terus dipelihara bagi memastikan keharmonian masyarakat serta kesejahteraan rakyat dapat dikekalkan.

RM166,000 bantuan kebajikan disalurkan kepada 473 penerima di DUN Mengkebang

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 10 Jun — Sebanyak RM166,000 bantuan kebajikan dan pembangunan sosial disalurkan kepada 473 penerima di DUN Mengkebang menerusi pelbagai skim bantuan Kerajaan Negeri Kelantan dalam Program Himpunan Armalah dan Penyampaian Bantuan Skim Pendidikan Anak Yatim DUN Mengkebang 2026 yang berlangsung di Dewan Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Pondok Sungai Durian, semalam.

Bantuan tersebut melibatkan golongan armalah, anak yatim, peserta Ladang Rakyat serta pasangan yang menerima manfaat Skim Gerbang Az-Ziway, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memperkukuh jaringan keselamatan sosial dan kebajikan rakyat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar berkata, bantuan yang disalurkan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan negeri untuk memastikan golongan yang memerlukan terus mendapat pembelaan sewajarnya.

“Pelbagai skim bantuan yang diperkenalkan kerajaan negeri membuktikan komitmen berterusan dalam membantu rakyat tanpa



mengira latar belakang, terutama golongan armalah, anak yatim dan keluarga yang memerlukan.

“Usaha ini diharap dapat meringankan beban kehidupan mereka dan menjadi pemangkin kepada peningkatan taraf hidup serta kesejahteraan masyarakat,” katanya ketika merasmikan program berkenaan.

Dalam program tersebut, sebanyak 254 penerima menerima Bantuan Ad Hoc Armalah melibatkan peruntukan keseluruhan RM60,000.

Selain itu, 16 penerima menerima Bantuan Sosioekonomi Armalah berjumlah RM8,000 sebagai galakan untuk meningkatkan pendapatan keluarga melalui aktiviti ekonomi yang produktif.

Bagi Skim Pendidikan Anak Yatim dan Anak Armalah, 100 pelajar

menerima bantuan keperluan pendidikan dan persekolahan berjumlah RM20,000.

Seterusnya, 100 peserta Ladang Rakyat menerima agihan berjumlah RM75,000 sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan negeri memperkukuh agenda pembangunan ekonomi rakyat.

Turut diraikan, tiga pasangan raja sehari melalui Skim Gerbang Az-Ziway dengan kadar RM1,000 kepada setiap suami bagi membantu memulakan kehidupan berkeluarga.

Menurut YB Zubir, kerajaan negeri akan terus memperkasa program kebajikan dan pembangunan masyarakat bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati lebih ramai rakyat di seluruh Kelantan.

Majlis turut menyaksikan pen-

yampaian Anugerah Tokoh Usahawan Armalah DUN Mengkebang 2026 kepada Karimah Ismail sebagai penghargaan atas kegigihan beliau membangunkan perniagaan sehingga berjaya meningkatkan taraf hidup keluarga serta menjadi inspirasi kepada golongan armalah lain.

Pada majlis sama, Ketua Pengurusan Deposit Negeri Kelantan Bank Simpanan Nasional (BSN) Md Arbi Che Cob turut menyampaikan taklimat mengenai pelbagai produk dan kemudahan perbankan yang ditawarkan kepada masyarakat.

Program anjuran Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWA) dengan kerjasama pelbagai agensi bagi memastikan kebajikan golongan armalah dan anak yatim terus diberi perhatian.

Sehubungan itu, YB Zubir merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan program berkenaan termasuk Setiausaha Pusat Khidmat DUN Mengkebang Kamaruddin Salleh, Pengelola Pembangunan Armalah DUN Mengkebang, para penghulu mukim, staf Pusat Khidmat DUN Mengkebang serta HALWA DUN Mengkebang atas komitmen dan kerjasama yang diberikan.25

Kerajaan negeri tanggung sewa rumah 27 keluarga mangsa kebakaran Gok Kapur



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 11 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan bersetuju menanggung kos sewaan rumah selama tiga bulan pertama bagi 27 keluarga yang terjejas dalam insiden kebakaran di Kampung Gok Kapur.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, bantuan tersebut merupakan sebahagian daripada komitmen kerajaan negeri untuk memastikan kebajikan mangsa terus terpelihara, khususnya dalam membantu mereka mendapatkan tempat tinggal sementara yang selesa dan selamat selepas kehilangan kediaman akibat tragedi berkenaan.

Menurutnya, inisiatif itu dilaksanakan bagi meringankan beban yang ditanggung mangsa sementara mereka berusaha membina semula kehidupan selepas kebakaran yang memusnahkan rumah serta harta benda.

“Kerajaan Negeri Kelantan bersetuju untuk menanggung kos sewaan rumah bagi tempoh tiga

bulan pertama kepada 27 keluarga yang terjejas dalam insiden kebakaran di Kampung Gok Kapur.

“Bantuan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan negeri untuk memastikan kebajikan mangsa terus terbela dan mereka mempunyai tempat tinggal yang sesuai sepanjang tempoh pemulihan,” katanya menerusi kenyataan media, hari ini.

Beliau berkata, pelaksanaan bantuan tersebut akan diselaraskan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu dengan kerjasama agensi berkaitan bagi memastikan proses penyaluran berjalan secara teratur, lancar dan berkesan.

Tambahnya, kerajaan negeri amat memahami kesukaran yang dihadapi oleh mangsa dan keluarga mereka susulan kehilangan tempat

tinggal dalam kejadian tersebut.

Sehubungan itu, katanya, pelbagai bentuk bantuan lain akan terus dipertimbangkan dan disalurkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan serta kemampuan kerajaan negeri.

Dalam pada itu, Menteri Besar Kelantan turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak termasuk agensi kerajaan, badan beruniform, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat dan orang ramai yang tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa kebakaran.

“Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih atas keprihatinan dan semangat kebersamaan yang ditunjukkan oleh semua pihak dalam membantu meringankan beban mangsa yang terlibat,” ujarnya.

Insiden Kampung Gok Kapur: Rumah rapat, angin kencang punca api cepat merebak

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 9 Jun — Kedudukan rumah yang terlalu rapat, faktor cuaca panas dan tiupan angin yang kuat dikenal pasti antara punca utama insiden kebakaran di Kampung Gok Kapur merebak dengan pantas sehingga memusnahkan 27 rumah berpenghuni, semalam.

Penguasa Kanan Bomba II merangkap Ketua Zon 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan Khairul Ariffin Che Ramli berkata, lebih 90 peratus struktur rumah yang terlibat diperbuat daripada kayu, sekali gus mempercepatkan kemerebak api dalam tempoh yang singkat.

“Selain itu, kedudukan rumah yang terlalu rapat dengan jarak antara 2 hingga 5 meter menyebabkan bahangan api mudah merebak ke premis berhampiran.

“Faktor cuaca dan tiupan angin yang kuat serta berubah-ubah turut menyumbang kepada kadar kemerebak api yang lebih cepat,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi taklimat sempena lawatan Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud ke tapak kebakaran Kampung Gok Kapur, di sini, hari ini.

Menurutnya lagi, kebakaran itu melibatkan kawasan seluas kira-kira 4,200 meter persegi atau 1.5 ekar yang menempatkan keseluruhan 45 buah rumah.



“Daripada jumlah itu, sebanyak 29 rumah terjejas dan 27 premis daripadanya disahkan sebagai rumah berpenghuni yang musnah terbakar.

“Insiden ini menjejaskan 27 keluarga dan melibatkan 110 penduduk,” jelasnya.

Khairul Ariffin juga memakumkan, pihak bomba menerima panggilan kecemasan pada pukul 12.34 tengah hari sebelum jentera pertama dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Bharu digerakkan ke lokasi dan tiba 5 minit kemudian pada pukul 12.39 tengah hari.

Beliau menjelaskan, jarak lokasi kejadian dari balai bomba kira-kira 3 kilometer dan kebakaran utama berjaya dikawal sepenuhnya sekitar jam 4 petang hasil tindakan pantas anggota penyelamat.

“Bagaimanapun, operasi diteruskan bagi melaksanakan kerja-kerja overhaul untuk memastikan bara api dipadamkan sepenuhnya.

“Operasi pemadaman dan pemeriksaan keselamatan disahkan selesai sepenuhnya pada jam 1.20 pagi,” katanya.

Tambahnya, pemantauan pada pagi ini mendapati masih terdapat sisa asap kecil di beberapa lokasi dan pasukan bomba segera melaksanakan proses pengairan menyeluruh (drenching) bagi mengelakkan kebakaran berulang.

Operasi pemadaman melibatkan 57 anggota daripada empat balai bomba iaitu BBP Kota Bharu, BBP Tunjong, BBP Kota Darulnaim dan BBP Pengkalan Chepa.

Operasi tersebut turut dibantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi kawalan lalu lintas serta Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Kota Jembal dan PBS Pengkalan Chepa.

“Sebanyak empat jentera pemadam kebakaran dan dua lori tangki air digunakan sepanjang

“Pasukan forensik sedang meneliti pelbagai kemungkinan termasuk kegagalan sistem elektrik, unsur khianat atau faktor lain yang boleh menyebabkan kebakaran berlaku. Bagaimanapun, punca sebenar kejadian masih belum dapat dimuktamadkan kerana siasatan rasmi masih diteruskan,”

operasi, dengan kapasiti masing-masing 20,000 liter dan 10,000 liter. Bekalan air diperoleh daripada pili bomba, lori tangki air serta sumber air terbuka dari Sungai Kelantan,” katanya.

Selanjutnya, Khairul Ariffin berkata siasatan bagi mengenal pasti punca sebenar kebakaran masih dijalankan oleh pasukan forensik bomba.

“Berdasarkan maklumat awal daripada penduduk setempat, siasatan kini tertumpu kepada satu titik permulaan kebakaran di sebuah rumah.

“Pasukan forensik sedang meneliti pelbagai kemungkinan termasuk kegagalan sistem elektrik, unsur khianat atau faktor lain yang boleh menyebabkan kebakaran berlaku. Bagaimanapun, punca sebenar kejadian masih belum dapat dimuktamadkan kerana siasatan rasmi masih diteruskan,” jelasnya.



RM72,000 Tabung Amal DUN Kijang bantu mangsa kebakaran Kampung Kedai Buloh

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 10 Jun — Sebanyak RM72,000 hasil sumbangan orang ramai menerusi Tabung Amal DUN Kijang berjaya diagihkan kepada mangsa kebakaran Kampung Kedai Buloh sebagai usaha membantu mereka meneruskan kehidupan selepas berdepan kehilangan kediaman dan harta benda dalam kejadian pada 3 April lalu.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang YB Dato' Izani Husin berkata, agihan bantuan tersebut dilaksanakan selepas tabung berkenaan ditutup minggu lalu bagi membolehkan keseluruhan kutipan disalurkan kepada mangsa yang terjejas.

"Minggu lalu kami bersetuju untuk menutup Tabung Kebakaran Kampung Kedai Buloh yang dibuka susulan kejadian pada 3 April lalu dan menetapkan untuk mengagihkan sumbangan kepada mangsa pada hari ini.

"Alhamdulillah, hasil sumbangan orang ramai melalui Tabung Amal DUN Kijang sebanyak RM72,000 berjaya dikumpulkan bagi membantu meringankan be-



ban mangsa yang terkesan akibat kebakaran tersebut," katanya dalam kenyataan media selepas menyampaikan sumbangan itu di Pusat Khidmat DUN Kijang, semalam.

Menurutnya, pengagihan bantuan dibuat berdasarkan tahap kerosakan yang dialami oleh setiap mangsa bagi memastikan bantuan disalurkan secara adil dan menepati keperluan.

Sebanyak RM9,000 diperuntukkan kepada setiap empat buah rumah yang musnah sepenuhnya, manakala empat lagi rumah menerima bantuan sebanyak RM7,000 setiap satu.

"Baki bantuan diagihkan mengikut tahap kerosakan yang dialami oleh mangsa-mangsa lain," jelasnya.

Beliau menyifatkan bantuan

tersebut sebagai manifestasi keprihatinan masyarakat yang tampil menghulurkan sumbangan bagi membantu mangsa bangkit semula selepas ditimpa musibah.

Katanya, walaupun bantuan kewangan tidak mampu menggantikan kehilangan yang dialami, namun ia membawa mesej bahawa mangsa tidak bersendirian dalam menghadapi ujian tersebut.

"Ketika menyampaikan bantuan kepada mangsa-mangsa di Kampung Kedai Buloh, saya teringat kepada mangsa-mangsa kebakaran di Kampung Gok Kapur yang kini sedang melalui ujian yang sama.

"Wang tidak mampu menggantikan rumah dan kenangan yang musnah, namun sekurang-kurangnya bantuan ini memberi sedikit kelegaan dan menunjukkan bahawa

mereka tidak bersendirian menghadapi dugaan tersebut," ujarnya.

Beliau merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang yang menjayakan tabung berkenaan sehingga bantuan dapat disalurkan kepada mangsa yang memerlukan.

"Terima kasih kepada semua penyumbang yang telah menghulurkan bantuan. Setiap ringgit yang disumbangkan membawa harapan kepada mereka yang sedang berhadapan dengan ujian kehidupan.

"Selepas selesainya agihan bantuan kepada mangsa Kampung Kedai Buloh, fokus kita bersama kini adalah untuk membantu pula mangsa-mangsa kebakaran di Kampung Gok Kapur yang turut memerlukan sokongan dan perhatian semua pihak," jelasnya.

Inisiatif pelancongan Kelantan mula tunjuk hasil, raih perhatian lebih luas

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 11 Jun — Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud memuji pelbagai inisiatif yang digerakkan di bawah kepimpinan Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor yang kini semakin menampilkan hasil apabila produk pelancongan baharu, program kebudayaan dan promosi negeri mula mendapat perhatian yang lebih meluas.

Beliau berkata, perkembangan positif tersebut mencerminkan keberkesanan perancangan strategik serta kerjasama erat antara kerajaan negeri, agensi pelaksana dan pemain industri pelancongan dalam memperkukuh kedudukan Kelantan sebagai destinasi pilihan pelan-



cong.

Menurutnya, pelbagai produk pelancongan baharu yang diperkenalkan, di samping penganjuran program kebudayaan dan usaha promosi yang berterusan, berjaya meningkatkan keterlihatan negeri di peringkat nasional dan antarabangsa.

"Sepanjang pagi semalam, saya mendapat beberapa perkembangan dan input baharu berkaitan sektor pelancongan negeri yang memberi

gambaran positif terhadap hala tuju industri ini dalam tempoh mendatang," katanya menerusi media sosial, pada Rabu.

Beliau memaklumkan, perkembangan tersebut membuktikan sektor pelancongan mempunyai potensi besar untuk terus berkembang sebagai antara pemacu utama ekonomi negeri.

Dalam masa sama, Dato' Mohd Nassuruddin menegaskan kerajaan negeri kekal komited memberi tum-

puan kepada agenda pembangunan, kesejahteraan rakyat dan pengukuhan sektor strategik yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi mampan.

"Ketika ada pihak yang terus tenggelam dalam hiruk-pikuk politik, Kelantan kekal memberi tumpuan kepada agenda pembangunan, ekonomi rakyat dan pengukuhan sektor-sektor strategik negeri.

"Kelantan terus bergerak, tenang, harmoni dan penuh keyakinan menuju masa depan," jelasnya.

Beliau optimis momentum positif yang dicapai ketika ini akan terus memperkukuh industri pelancongan negeri, sekali gus memberi limpahan manfaat kepada komuniti setempat, usahawan pelancongan dan ekonomi rakyat secara keseluruhan.

Meranti, Penambang dipilih sebagai Kampung Aspirasi Bebas Dadah



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 10 Jun — Kampung Meranti di Pasir Mas dan Kampung Penambang di Kota Bharu dipilih sebagai lokasi perintis Program Kampung Aspirasi Bebas Dadah (KABD) dalam usaha membentuk komuniti yang lebih prihatin, berdaya tahan dan bebas daripada ancaman penyalahgunaan dadah di Kelantan.

Penolong Pegawai Antidadah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Kelantan Muhammad Wafi Kamarudin berkata, pemilihan kedua-dua kampung itu bertujuan mewujudkan model komuniti bebas dadah yang boleh

dicontohi oleh kawasan lain di seluruh negeri.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu Program Live FOKUS Siri Ke-9 bertajuk “Isu Dadah di Kelantan: Apa yang Kita Perlu Tahu?” anjuran Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN), semalam.

Menurutnya, inisiatif KABD merupakan antara pendekatan strategik AADK dalam memperkukuh usaha pencegahan dadah di peringkat akar umbi melalui penglibatan aktif masyarakat setempat.

“Tujuan pemilihan dua kampung ini adalah untuk dijadikan contoh kepada kampung-kampung lain, sama ada dari segi kejayaan membendung penyalahgunaan dadah mahupun komitmen komuniti membantu AADK.

“Kita mahu menjadikan dua kawasan ini sebagai model komuniti bebas dadah di Kelantan yang boleh dicontohi oleh masyarakat di tempat lain,” katanya.

Beliau menjelaskan AADK melaksanakan tiga fungsi utama iaitu pencegahan, penguatkuasaan dan

rawatan, dengan pelbagai program dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya penyalahgunaan dadah.

“Apabila kita bercakap mengenai pencegahan, fokus kita merangkumi semua lapisan masyarakat termasuk belia, remaja, golongan dewasa dan komuniti setempat.

“Antara program yang dijalankan ialah pemasangan papan tanda pencegahan, bengkel, ceramah, pocket talk serta kem khas untuk golongan belia dan keluarga berisiko,” ujarnya.

Menurutnya, keluarga berisiko merujuk kepada keluarga yang mempunyai ahli atau saudara-mara terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan memerlukan sokongan serta intervensi awal bagi mengelakkan masalah berlarutan.

Katanya lagi, setiap program yang dilaksanakan dirangka berdasarkan keperluan setempat memandangkan cabaran yang dihadapi oleh komuniti di kawasan kampung, bandar dan lokaliti tertentu adalah berbeza.

Selain program komuniti,

AADK turut melaksanakan pelbagai aktiviti pencegahan di sekolah setiap tahun termasuk ujian saringan air kencing terhadap pelajar berisiko sebagai langkah pengesanan awal.

Dalam pada itu, Muhammad Wafi merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan khususnya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan pejabat-pejabat jajahan yang sentiasa menyokong usaha AADK melalui penyediaan kemudahan, sumber serta dana.

Beliau turut menghargai kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang membenarkan penggunaan premis masjid bagi pelaksanaan program kerohanian untuk klien AADK.

“Terima kasih juga kepada NGO PEMADAM Negeri Kelantan, Urus setia Belia dan Sukan (U-Bes), Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) serta pelbagai agensi dan pertubuhan bukan kerajaan yang sentiasa membantu menjayakan program dan bengkel pencegahan dadah untuk masyarakat,” ujarnya.

Sepuluh masjid dan surau DUN Guchil dipilih jayakan Program MGS

Oleh: Syamimi Manah

KUALA KRAI, 11 Jun – Sebanyak sepuluh masjid dan surau di DUN Guchil dipilih sebagai lokasi pelaksanaan Program Membina Generasi Solat (MGS) 2026 bagi memperkukuh usaha melahirkan generasi muda yang celik solat dan berakhlak mulia.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil YB Hilmi Abdullah berkata, program tahunan anjuran Kerajaan Negeri Kelantan itu akan dilaksanakan di sepuluh lokasi terpilih melibatkan Masjid Mukim Kenor, Masjid Guchil, Masjid Kuala Krai, Masjid Bechah Salak, Masjid Mukim Bahagia, Madrasah Kampung Gatal, Surau Daskoh, Pondok Ribath Tualang, Madrasah Haji Mat Pahi dan Tahfiz Bechah Salak.

Menurutnya, pelancaran Program MGS Peringkat DUN Guchil 2026 telah disempurnakan di Masjid Mukim Kenor dengan kehadiran



pegawai Halaqat, penghulu mukim dan mudarris yang akan menjayakan program tersebut, semalam

“Program MGS telah diperkenalkan sejak tahun 2007 dan sehingga kini telah melahirkan lebih 300,000 alumni di seluruh negeri.

“Ia bertujuan melahirkan Generasi Celik Solat, mengimarahkan masjid serta memacu pembentukan ummah rabbani melalui pendekatan bengkel amali solat yang tersusun,” katanya di laman rasmi, hari ini.

Beliau memaklumkan, program berkenaan dikhususkan kepada

kanak-kanak dan remaja berumur antara sembilan hingga 14 tahun yang akan mengikuti 20 sesi kelas amali solat sepanjang pelaksanaan.

Menurutnya, setiap lokasi akan menempatkan kira-kira 35 peserta yang dibimbing oleh tenaga pengajar atau mudarris yang dilantik bagi memastikan objektif program dapat dicapai dengan berkesan.

“Program ini amat signifikan kerana pada satu-satu masa ia melibatkan hampir 15,750 kanak-kanak di seluruh Kelantan yang dibimb-

ing oleh 450 orang mudarris.

“Semoga generasi yang mengikuti program ini membesar sebagai anak soleh dan solehah yang menjadikan solat sebagai amalan harian serta benteng dalam menghadapi cabaran kehidupan,” ujarnya.

YB Hilmi turut mengajak ibu bapa di DUN Guchil mengambil peluang mendaftarkan anak-anak mereka di masjid dan surau yang terlibat bagi menyertai program berkenaan.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada pihak Halaqat DUN Guchil serta semua mudarris yang bakal mencurahkan khidmat dan tenaga dalam usaha melahirkan Generasi Rabbani Negeri Kelantan.

“Komitmen semua pihak amat penting dalam memastikan usaha membentuk generasi yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dapat diteruskan demi masa depan ummah,” katanya.

Kelantan-Korea bincang terokai industri ternakan, tenaga hijau dan unsur nadir bumi

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 10 Jun — Industri ternakan ayam, pembangunan tenaga boleh baharu dan penerokaan unsur nadir bumi dikenal pasti sebagai antara sektor strategik yang berpotensi diterokai melalui kerjasama antara Kelantan dan Republik Korea, sekali gus membuka peluang baharu kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadli Hassan berkata, sektor-sektor berimpak tinggi itu menjadi antara fokus utama yang dibincangkan semasa menerima kunjungan hormat Duta Besar Republik Korea ke Malaysia, Yeo Seung-Bae di Pejabat Timbalan Menteri Besar Kelantan, Mabna Kota Darulnaim pada 4 Jun lalu.

Menurutnya, pertemuan tersebut membuka ruang kepada pelbagai bentuk kerjasama strategik yang mampu memperkukuh hubungan ekonomi antara Kelantan dan Republik Korea pada masa hadapan.

“Antara sektor yang diberi perhatian ialah industri ternakan ayam, pembangunan tenaga boleh baharu serta potensi penerokaan dan pembangunan unsur nadir bumi yang mempunyai nilai tinggi dalam rantaian industri teknologi global.

“Bidang-bidang ini mempunyai potensi besar untuk diterokai melalui kerjasama yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak,



terutama dalam memperkasakan pembangunan ekonomi negeri,” katanya menerusi media sosial, pada Khamis lepas.

Beliau turut memaklumkan, kedua-dua pihak turut bertukar pandangan mengenai perkembangan ekonomi antarabangsa semasa termasuk kesan persaingan ekonomi antara Amerika Syarikat dan China terhadap landskap perdagangan global.

Menurutnya lagi, perubahan dalam ekonomi dunia membuka peluang baharu yang perlu dimanfaatkan secara strategik bagi meningkatkan daya saing ekonomi negeri.

“Perubahan yang berlaku dalam ekonomi global membuka pelbagai peluang baharu yang perlu diterokai secara strategik agar Kelantan dapat memanfaatkan perkembangan tersebut untuk meningkatkan daya saing ekonomi negeri,” jelasnya.

Dalam pertemuan itu juga, po-

tensi pembangunan Tanah Tinggi Lojing turut dibincangkan sebagai destinasi pelancongan dan agro-pelancongan bertaraf antarabangsa.

Katanya, kawasan tersebut memiliki keunikan alam semula jadi dan kelebihan sektor pertanian tanah tinggi yang berpotensi menjadi tarikan utama pelancong domestik dan antarabangsa.

Selain itu, aspek pembangunan infrastruktur turut menjadi agenda penting perbincangan termasuk projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dijangka memberi impak besar kepada sektor logistik dan perdagangan negeri.

“Projek tersebut berupaya menjadi pemangkin baharu kepada pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan kecekapan pengangkutan kargo, peluasan akses pasaran dan pengukuhan rantaian bekalan industri tempatan.

“Keupayaan ECRL dalam mem-

“Perubahan yang berlaku dalam ekonomi global membuka pelbagai peluang baharu yang perlu diterokai secara strategik agar Kelantan dapat memanfaatkan perkembangan tersebut untuk meningkatkan daya saing ekonomi negeri,”

perkukuh sistem logistik dijangka memberi nilai tambah kepada sektor perdagangan dan pelaburan serta meningkatkan daya saing produk tempatan di pasaran yang lebih luas,” katanya.

Beliau berkongsi aspirasi Kerajaan Negeri berkaitan pembangunan baharu Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) yang dilihat mampu merangsang pertumbuhan perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Beliau optimis, pembangunan infrastruktur strategik tersebut berpotensi memperkukuh kedudukan Kelantan sebagai pintu masuk utama ke Pantai Timur Semenanjung serta meningkatkan keterhubungan dengan pasaran domestik dan antarabangsa.

Turut serta dalam sesi kunjung hormat tersebut ialah Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.





Kelantan-Korea bincang terokai industri ternakan, tenaga hijau dan unsur nadir bumi

Gelanggang sepak takraw Perupok tambah ruang rekreasi sihat belia

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 8 Jun — Pembinaan gelanggang sepak takraw baharu di Kampung Perupok, Wakaf Delima menambah kemudahan rekreasi dan riadah kepada golongan belia di DUN Wakaf Bharu, sekali gus menyediakan ruang yang kondusif untuk aktiviti sukan serta pembangunan komuniti.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu, YB Mohd Rusli Abdullah berkata, kemudahan tersebut diwujudkan bagi memenuhi keperluan anak muda setempat untuk bersukan, beriadah dan menjalankan aktiviti kemasyarakatan dalam suasana yang sihat dan positif.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Gelanggang Sepak Takraw Kampung Perupok, Wakaf Delima, pada Sabtu.

Menurutnya, kewujudan gelanggang itu bukan sahaja menggalakkan amalan gaya hidup sihat



dalam kalangan belia, malah berperanan sebagai platform mengukuhkan hubungan persahabatan dan semangat kebersamaan dalam komuniti.

“Saya yakin, bila ada tempat untuk anak muda berkumpul dan bersukan, banyak perkara baik dapat dibina.

“Ia dapat mengisi masa dengan aktiviti sihat serta mengeratkan persahabatan dalam kalangan mereka,” katanya menerusi laman rasmi,

Sabtu lalu.

Beliau berharap kemudahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat, khususnya generasi muda, bagi melahirkan masyarakat yang aktif dan sejahtera.

Menurutnya, gelanggang tersebut juga berpotensi menjadi medan mencungkil bakat baharu dalam sukan sepak takraw serta melahirkan lebih ramai pemain yang mampu mengharumkan nama kawasan dan



negeri pada masa hadapan.

“Semoga gelanggang ini dimanfaatkan sebaiknya dan menjadi tempat lahirnya lebih ramai bakat sepak takraw selepas ini,” ujarnya.

Tambahnya, pembangunan kemudahan sukan di peringkat komuniti akan terus diberi perhatian sebagai sebahagian usaha memperkasa pembangunan belia dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat.

PKD Bunut Payong kenal pasti tapak padang bola sepak menepati piawaian

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 7 Jun — Pusat Khidmat DUN (PKD) Bunut Payong sedang mengenal pasti lokasi yang sesuai bagi pembinaan sebuah padang bola sepak yang menepati piawaian menerusi peruntukan yang disediakan kerajaan negeri, sebagai usaha memperkukuh pembangunan sukan dan menyediakan kemudahan berkualiti kepada golongan belia.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman berkata, kemudahan tersebut penting bagi melahirkan lebih ramai pemain berbakat serta menyediakan ruang latihan dan pertandingan yang lebih kondusif kepada komuniti setempat.

Menurutnya, pihak PKD sedang meneliti beberapa lokasi berpotensi sebelum projek berkenaan dapat direalisasikan.

“Kita sedang mencari lokasi yang sesuai untuk membina padang



bola sepak yang menepati piawaian melalui peruntukan kerajaan negeri. Kemudahan ini penting bagi memberi ruang kepada anak muda mengembangkan bakat serta meningkatkan mutu sukan bola sepak di Bunut Payong,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran Liga Elit DUN (LED) Bunut Payong di Dewan PKD Bunut Payong pada 3 Jun lalu.

Beliau berharap Liga Elit DUN Bunut Payong terus menjadi medan terbaik untuk mencungkil bakat pemain muda dan melahirkan lebih ramai pemain berpotensi mewakili



pasukan di peringkat lebih tinggi.

Menurutnya, semua pasukan yang bertanding perlu mengekalkan disiplin, semangat kesukanan dan mematuhi peraturan pertandingan bagi memastikan kejohanan berlangsung dalam suasana harmoni.

“Bertandinglah dengan bersungguh-sungguh dan elakkan sebarang pergaduhan atau insiden yang tidak diingini. Semangat kesukanan perlu sentiasa dipelihara walaupun setiap pasukan berusaha untuk mencapai kemenangan,” ujarnya.

Beliau turut menyifatkan pencapaian pasukan DUN Bunut Payong yang pernah mara ke peringkat suku

akhir sebagai satu kebanggaan dan berharap kejayaan lebih besar dapat dicapai pada masa hadapan.

Dalam majlis itu juga, beliau mengumumkan sumbangan kepada pasukan yang bertanding akan mula disalurkan bermula Julai ini, selain meningkatkan hadiah wang tunai kepada juara Liga Elit DUN Bunut Payong 2026 kepada RM2,500.

Sementara itu, Penyelaras Belia DUN Bunut Payong Muradi Abdullah berkata, kejohanan berkenaan merupakan platform penting untuk pemain mengasah bakat dan meningkatkan kualiti permainan.

“Liga Elit DUN sememangnya menjadi platform untuk mencungkil bakat serta membuka peluang kepada pemain melangkah ke arena bola sepak yang lebih jauh,” katanya.

Sebanyak sembilan pasukan menyertai liga tersebut yang turut diisi dengan sesi taklimat pertandingan oleh Penyelaras Liga Elit DUN Bunut Payong Naim Hanafi.